Kepengerusian Malaysia untuk ASEAN/ASEAN+3 pada Tahun 2025: Memajukan Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif dan Mampan bagi ASEAN dan Malaysia

ASEAN dan ASEAN+3 berfungsi sebagai platform kerjasama penting pada peringkat serantau, yang membolehkan negara-negara bekerjasama untuk memupuk kemakmuran ekonomi bersama serta meningkatkan daya tahan secara kolektif terhadap kejutan luaran. Bagi Malaysia dan Bank Negara Malaysia (BNM), kesemua platform ini adalah penting untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan dengan rakan serantau.

Kepengerusian ASEAN dipegang secara bergilir-gilir setiap tahun antara 11 Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States, AMS). Negara yang menjadi Pengerusi menetapkan keutamaan serantau untuk tahun tersebut; yakni menetapkan agenda, memanggil dan mempengerusikan mesyuarat ASEAN serta memacu inisiatif kerjasama merentas trek serta tonggak ASEAN.

Kepengerusian Malaysia untuk ASEAN dan ASEAN+3 (Gambar Rajah 1) berlaku serentak dengan perpecahan global yang ketara. Dalam persekitaran yang mengalami ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan geopolitik yang kian meningkat, usaha untuk memperteguh integrasi ekonomi dan kewangan, memudahkan perdagangan serta mengukuhkan kerjasama pelaburan pada peringkat serantau menjadi penting. Berlatarkan persekitaran ini, BNM bekerjasama erat dengan Kementerian Kewangan untuk memajukan inisiatif yang praktikal di bawah Trek Kewangan ASEAN.[1] Matlamat BNM adalah untuk menghasilkan manfaat yang nyata kepada isi rumah serta perniagaan di Malaysia dan seluruh rantau ini.

Malaysia telah memilih tema “Keterangkuman dan Kemampanan” untuk Kepengerusian ASEAN negara. Tema ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk merapatkan jurang pembangunan, meningkatkan taraf hidup serta mengurangkan risiko berkaitan iklim dalam persekitaran global yang semakin berpecah dan tidak menentu. Berdasarkan tema ini, BNM menumpukan usaha untuk memajukan kewangan mampan, mengukuhkan rangkaian pembayaran merentas ASEAN dan meningkatkan jaringan keselamatan kewangan serantau. Selain itu, sebagai Pengerusi, Malaysia berusaha untuk meneguhkan platform ASEAN dengan memupuk dialog dasar yang lebih mendalam, dengan matlamat untuk menghasilkan impak yang nyata dan berkesan bagi rantau ini.

[1] Trek Kewangan ASEAN giat mengusahakan kerjasama dalam pelbagai bidang yang mencakupi usaha untuk meningkatkan integrasi dan daya tahan kewangan, membangunkan lagi pasaran modal serta memajukan kerjasama dalam fungsi percukaian dan perbendaharaan.

Gambar Rajah 1: Kepengerusian ASEAN dan Penglibatan BNM

Giliran Kepengerusian ASEAN

Penggiliran Kepengerusian ASEAN dilakukan setiap tahun berdasarkan aturan huruf dalam kalangan Negara Anggota.[1] Sebelum tahun 2025, kali terakhir Malaysia menjadi pengerusi ASEAN adalah pada tahun 2015.

Indonesia 2023 — Lao 2024 — **Malaysia 2025** — Filipina 2026

Tema Kepengerusian ASEAN Malaysia iaitu "Keterangkuman dan Kemampanan" mencerminkan aspirasi kemajuan bersama, demi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan.

Platform ASEAN dan ASEAN+3

ASEAN

- ASEAN berperanan sebagai platform utama untuk memperkukuh kerjasama serantau serta menggalakkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Komuniti ASEAN

Tonggak: Politik-Keselamatan | Ekonomi[2] | Socio-Budaya

Trek: Ekonomi | Kewangan | Tenaga

BNM

- Penglibatan utama BNM dalam ASEAN adalah melalui Trek Kewangan, yang berperanan untuk memajukan integrasi kewangan serantau merangkumi bidang seperti pembayaran, penggunaan mata wang tempatan, pasaran modal, kelestarian, percukaian dan fungsi perbendaraan.
- Selain Trek Kewangan, BNM bekerjasama rapat dengan beberapa kementerian lain merentasi pelbagai trek dan tonggak dalam Komuniti ASEAN untuk mengukuhkan usaha serantau dalam bidang perdagangan, pelaburan dan geoekonomi.

ASEAN+3

- ASEAN Plus Three (APT) ialah platform kerjasama utama dalam kalangan negara ASEAN dan tiga negara "Plus Three", iaitu China, Jepun dan Korea.
- BNM terlibat dalam Proses Kewangan yang memberikan tumpuan pada mempertingkatkan pemantauan kewangan dan ekonomi serantau serta memperkukuh jaringan keselamatan kewangan serantau, iaitu Chiang Mai Initiative Multilateralistion (CMIM).[3]

[1] Pada Sidang Kemuncak ASEAN tahun 2023, para Pemimpin memutuskan bahawa Myanmar tidak akan menggalas giliran Kepengerusian seperti yang dijadualkan pada tahun 2026.
[2] Komuniti Ekonomi terdiri daripada pelbagai trek termasuk Kewangan; Ekonomi; Tenaga, Pertanian dan Perhutanan; Pengangkutan; Pelancongan serta lain-lain.
[3] CMIM merupakan kemudahan sokongan mudah tunai dalam bentuk pengaturan swap mata wang pelbagai hala. Kemudahan ini melibatkan komitmen anggota ASEAN+3 untuk saling menyokong dari sudut kewangan ketika menghadapi kesulitan imbangan pembayaran dan/atau mudah tunai jangka pendek.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pencapaian utama ASEAN dan ASEAN+3

BNM menerapkan tiga prinsip teras sebagai panduan bagi pencapaiannya, iaitu (i) mengutamakan hasil berorientasikan rakyat; (ii) memajukan kepimpinan pemikiran Malaysia; dan (iii) menyampaikan penyelesaian praktikal dengan hasil yang boleh diukur. Dengan mengambil kira ketiga-tiga prinsip ini, Hasil Keutamaan Ekonomi (Priority Economic Deliverables, PED)[2] menumpukan pada inisiatif untuk menggalakkan pertumbuhan serantau yang mampan dan inklusif (Gambar Rajah 2). Semua usaha ini mustahak untuk mengukuhkan daya tahan serantau dan meningkatkan keupayaan rantau ini supaya lebih bersedia menghadapi kejutan pada masa hadapan. Semua inisiatif ini membentuk sebahagian daripada PED nasional dan pelan kerja tahunan ASEAN Finance Track Working Committees.

Keutamaan pertumbuhan ASEAN mencakupi permintaan yang lebih tinggi terhadap bekalan tenaga yang lebih bersih, lebih diyakini dan lebih berdaya tahan. Ke arah mencapai keutamaan ini, ASEAN perlu menaik taraf infrastruktur grid dan melabur dalam tenaga boleh diperbaharui. Dalam hal ini, BNM menumpukan usaha terhadap membangunkan saluran untuk membiayai ASEAN Power Grid (APG).[3] Memandangkan projek yang terlibat adalah berskala besar serta berada pada peringkat awal, BNM telah menghimpunkan pembiaya modal awam, swasta dan dermawan untuk membincangkan penyelesaian pembiayaan bagi APG. Selepas pelancarannya, ASEAN Power Grid Financing Initiative (APGF)[4] berfungsi sebagai platform pemangkin yang menawarkan pembiayaan bukan hutang peringkat awal untuk membantu pelaksanaan awal projek APG. Inisiatif ini membantu mengelakkan risiko pelaburan dan mengukuhkan daya maju kewangan projek APG pada peringkat awal, sekali gus merintis jalan bagi penyertaan sektor swasta yang lebih besar apabila projek tersebut semakin matang.

BNM juga berkongsi pengalaman peringkat dalam negeri di pentas serantau. Bersama-sama dengan United Nations Development Programme (UNDP) dan Asian Development Bank (ADB), BNM telah melancarkan ASEAN Greening Value Chain (GVC) Playbook.[5] Buku panduan ini memberikan bimbingan yang praktikal supaya syarikat di rantau ini terus berdaya saing seiring dengan peralihan pasaran global ke arah piawaian rendah karbon. Buku panduan ini juga menyokong akses ke pasaran baharu dan peluang pembiayaan di samping mencipta peluang pekerjaan yang lebih berdaya tahan pada masa hadapan. Dua Negara Anggota ASEAN telah memulakan program GVC susulan penerbitan Playbook ini, manakala dua lagi Negara Anggota ASEAN menunjukkan minat untuk melaksanakannya.

Dalam bidang pembayaran, BNM berusaha untuk mewujudkan rangkaian pembayaran terangkum merentas ASEAN. Matlamat inisiatif ini adalah untuk menjadikan transaksi rentas sempadan lebih mudah, cepat dan mampu milik. Dengan lebih banyak jalinan pembayaran serantau, individu, usahawan mikro serta perniagaan kini boleh melakukan penghantaran dan penerimaan wang rentas sempadan dengan lebih mudah serta pada kos yang lebih rendah. Hal ini seterusnya menyokong perdagangan, pelancongan, pengiriman wang dan transaksi harian. Menjelang akhir tahun 2025, ASEAN telah mewujudkan sebanyak 29 pengaturan rangkaian pembayaran dua hala, berbanding 18 rangkaian pada bulan Januari 2025.

Selain PED, BNM berusaha untuk meningkatkan kestabilan kewangan serantau dan menambah baik pembayaran rentas sempadan bagi orang awam dan perniagaan melalui ASEAN Working Committees. Dengan menerajui Model Operating Guidelines for the Local Currency Transaction Framework, BNM telah membantu memperluas penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan serantau. Usaha ini membantu mengurangkan kos dan volatiliti pertukaran asing untuk perniagaan, terutamanya PKS.

BNM juga menerajui semakan ASEAN Banking Integration Framework (ABIF) bagi menyediakan peraturan pengawalseliaan yang lebih jelas dan konsisten untuk operasi rentas sempadan oleh bank-bank di ASEAN. Semakan ini menyokong persekitaran perbankan yang lebih berdaya saing, justeru meningkatkan akses pembiayaan untuk perniagaan dan isi rumah merentas rantau ini.

---

2 PED merupakan inisiatif oleh Pengerusi ASEAN dengan matlamat untuk memperoleh hasil yang berkesan dan menyumbang pada agenda integrasi ekonomi ASEAN. PED disasarkan untuk dilaksanakan dan selesai sepenuhnya pada tahun Kepengerusian.

3 Grid Tenaga ASEAN (ASEAN Power Grid, APG) merupakan visi bersama Negara-negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States, AMS) ke arah operasi grid bersepadu sepenuhnya di Asia Tenggara menjelang tahun 2045. APG menjanjikan peluang yang cerah untuk menggalakkan integrasi dan pertumbuhan ekonomi serantau, meningkatkan keselamatan tenaga serta mempercepat peralihan kepada tenaga bersih.

4 Diterajui oleh ADB serta Bank Dunia dengan kerjasama Sekretariat ASEAN dan ASEAN Centre for Energy (ACE).

5 Buku panduan ini menerima pandangan daripada program rintis Penghijauan Rantaian Nilai (Greening Value Chain, GVC) Malaysia oleh Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3).

Gambar Rajah 2: PED BNM dalam Trek Kewangan ASEAN

Memudah cara pelaburan bagi ASEAN Power Grid (APG)

Matlamat

- Meningkatkan akses kepada sumber pembiayaan hijau/iklim yang lebih meluas. Langkah ini termasuk meneroka mekanisme pembiayaan alternatif seperti kewangan campuran (*blended finance*) untuk membiayai APG.

Pencapaian

- Berjaya mendapatkan komitmen daripada lebih 15 pelabur dan rakan kerjasama terkemuka untuk menyokong projek-projek APG.[1]
- Memperkukuh usaha menggembleng pembiayaan bagi APGF melalui Mesyuarat Ministerial Interface pertama yang menghimpunkan Trek Tenaga, Ekonomi dan Kewangan.

Menyokong peralihan hijau PKS ASEAN

Matlamat

- Menyokong perniagaan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN, termasuk PKS, dalam usaha peralihan bagi mengurangkan pelepasan dan menguruskan risiko iklim.

Pencapaian

- Menerbitkan ASEAN Greening Value Chain (GVC) Playbook yang menyediakan panduan praktikal untuk perniagaan, institusi kewangan dan perumus dasar bagi menyepadukan elemen kelestarian dalam rantaian nilai.
- Memulakan projek rintis program GVC di Kemboja dan Indonesia.

Memperkukuh rangkaian pembayaran yang inklusif di seluruh ASEAN

Matlamat

- Memajukan rangkaian pembayaran merentasi Negara-negara Anggota ASEAN.

Pencapaian

- Membangunkan pelan hala tuju bagi rangkaian yang memudahkan penyertaan Negara-negara Anggota ASEAN dalam rangkaian pembayaran segera serantau.
- Penambahan bilangan jalinan pembayaran rentas sempadan kepada 29 jalinan serta peningkatan jumlah transaksi QR dan P2P rentas sempadan masing-masing sebanyak 176% dan 44% pada tahun 2025 berbanding tahun 2024.[2]

[1] Pelabur dan rakan kerjasama projek ini termasuk Asian Development Bank (ADB), Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), CIMB Islamic, HSBC Amanah, HSBC Bank Singapore, Islamic Development Bank, Japan Bank for International Cooperation, Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Mizuho Bank (Malaysia) Berhad, MUFG Singapore, Standard Chartered Singapore, The Rockefeller Foundation dan Private Infrastructure Development Group (PIDG).

[2] Untuk maklumat lanjut mengenai jalinan pembayaran rentas sempadan, sila rujuk bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Kiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi mengukuhkan kesiapsiagaan menghadapi krisis, BNM memainkan peranan penting dalam usaha untuk mewujudkan semula ASEAN Swap Arrangement (ASA). ASA menyediakan sokongan mudah tunai pertukaran asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi tekanan imbangan pembayaran. Jaringan keselamatan serantau ini membantu mengurangkan risiko gangguan kewangan secara mendadak yang boleh mempunyai kesan limpahan terhadap pekerjaan, pendapatan dan aktiviti ekonomi harian.

Dalam mendepani risiko digital yang kian meningkat, BNM meneruskan kerjasama serantau melalui ASEAN Cyber Security Resilience and Information Sharing Platform (CRISP). Dengan menggalakkan perkongsian risikan dan kepakaran teknikal tentang ancaman siber, semua usaha ini membantu melindungi sistem pembayaran serta perkhidmatan kewangan yang digunakan oleh individu dan perniagaan pada setiap hari. Selain meneguhkan kepercayaan, usaha ini juga menggalakkan daya tahan dalam sistem kewangan serantau.

Sebagai pengerusi bersama dengan People's Bank of China, BNM menerajui usaha untuk menambah baik Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM), iaitu jaringan keselamatan serantau yang mempunyai saiz berjumlah USD240 bilion. Pencapaian utama pada tahun 2025 ialah penubuhan Rapid Financing Facility. Mekanisme ini menyediakan akses pantas kepada negara anggota ASEAN+3 untuk mendapatkan dana kecemasan sekiranya menghadapi tekanan kewangan secara mendadak yang berpunca daripada peristiwa ekstrem seperti bencana alam.

BNM juga bekerjasama erat dengan rakan sejawat untuk menaik taraf mekanisme pembiayaan CMIM menjadi struktur modal berbayar. Langkah ini bermakna negara-negara menyumbang dana terlebih dahulu, lantas menjadikan CMIM lebih tersedia untuk digunakan. Tujuannya adalah supaya sokongan dan akses kepada dana boleh diberikan dengan lebih pantas apabila krisis berlaku. Secara khusus, BNM mencapai kemajuan melalui penerapan model pembiayaan asas berpusat untuk struktur modal

berbayar tersebut. Kemajuan ini disokong oleh pelan hala tuju pelaksanaan yang jelas. Pada masa yang sama, usaha untuk mengukuhkan rangka kerja operasi CMIM juga menunjukkan kemajuan. Matlamat usaha ini adalah untuk menambah baik akses, kecekapan kos dan tempoh tindak balas terhadap krisis. Semua usaha ini memastikan bahawa ASEAN+3 termasuk Malaysia mempunyai alat dan sumber untuk mengimbangi kesan kejutan ekonomi global.

Gambar Rajah 3: Hasil BNM dalam ASEAN+3

Memperkukuh mekanisme pembiayaan CMIM[1]	**Matlamat** • Memastikan negara anggota dapat menerima bantuan kewangan kecemasan dengan cepat semasa krisis. **Pencapaian** Berjaya mencapai persetujuan mengenai: • Model pembiayaan asas yang menggabungkan sumbangan semua negara anggota ke dalam satu dana pusat; • Pelan hala tuju untuk membimbing pembangunan lanjut model pembiayaan asas; dan • Kumpulan kerja khusus yang diketuai bersama oleh BNM dan Bank of Korea untuk memacu proses transformasi berkenaan.
Menambah baik ciri-ciri utama dan proses CMIM	**Matlamat** • Memastikan CMIM tersedia dan mudah diakses semasa krisis. **Pencapaian** • Membangunkan rangka kerja untuk menilai keupayaan CMIM dalam menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kecemasan tanpa bantuan luar.[2] • Mewujudkan asas bagi struktur kos yang lebih adil sekiranya pembiayaan kecemasan disalurkan dalam mata wang tempatan. • Melaksanakan latihan simulasi untuk mengenal pasti dan menangani jurang operasi dalam proses pembiayaan kecemasan.

[1] Perkara ini merujuk peralihan CMIM daripada struktur yang melibatkan anggota secara individu memberikan komitmen untuk menyediakan dana hanya apabila diminta, ke arah struktur pembiayaan yang lebih boleh diramalkan dan lebih telus dengan dana dikumpulkan dalam kemudahan mudah tunai berpusat sebelum sebarang permohonan dibuat.

[2] Sebahagian daripada sumber CMIM hanya boleh diakses melalui pengaturan pembiayaan bersama dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF). Prosedur tambahan ini boleh melewatkan pengeluaran dana kecemasan tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengukuhkan Pandangan Bersama ASEAN

BNM bekerjasama dengan para Negara Anggota ASEAN serta rakan strategik, termasuk institusi kewangan, perniagaan dan organisasi antarabangsa, untuk menangani cabaran dan keutamaan bersama. Kerjasama ini termasuk menyelaraskan pandangan dan tindakan berkaitan dengan isu seperti tarif AS dan penipuan kewangan, menambah baik pembayaran rentas sempadan, menggalakkan kewangan mampan serta inovasi digital.

Tatkala rantau ini menghadapi ketidaktentuan geopolitik yang ketara, cabaran serantau dan perpecahan geoekonomi yang kian meluas, usaha sebegini membantu ASEAN untuk bersepakat tentang kedudukan serantau serta pelan tindakan yang lebih jelas dan selaras pada detik penentu.

Sebagai sebahagian daripada semua usaha ini, BNM menyokong pelaksanaan kajian bebas mengenai halangan struktur terhadap perdagangan intra-ASEAN. Usaha ini menyebabkan terhasilnya analisis yang mendalam tentang perdagangan dan pelaburan intrarantau oleh ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). Kajian ini dijalankan pada masa yang tepat, sekali gus menawarkan saranan strategik bagi membuka potensi pertumbuhan selanjutnya untuk Malaysia dan ASEAN. BNM juga menyarankan agar IMF memberikan perspektif tentang corak perdagangan yang sedang berubah dan implikasinya terhadap integrasi serantau.[6]

[6] IMF membentangkan kajiannya tentang ASEAN Integration in a Shifting Global Landscape semasa IMF-ASEAN Roundtable pada bulan Oktober 2025.



Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Menteri Kewangan II Yang Berhormat Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour serta para Menteri Kewangan dan Gabenor ASEAN lain di ASEAN Finance Ministers and Governors Meeting (AFMGM) pada 10 April 2025 di Kuala Lumpur



Menteri Kewangan II Yang Berhormat Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama pengerusi bersama dari China, Menteri Kewangan Lan Fo'an dan Gabenor People's Bank of China Pan Gongsheng semasa Sidang Media ASEAN+3 Finance Ministers and Governors Meeting (AFMGM+3) pada 4 Mei 2025 di Milan



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar menjadi pengerusi bersama ASEAN Finance and Central Bank Deputies Meeting (AFCDM) pada 7 April 2025 di Kuala Lumpur



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar bersama para wakil ASEAN lain di ASEAN Senior Level Committee (SLC) on Financial Integration Meeting pada 13 Mac 2025 di Kota Kinabalu

Meningkatkan Jangkauan Melalui Acara Sampingan dan Pameran Trek Kewangan ASEAN

Selain libat urus dasar, BNM menganjurkan beberapa acara sampingan untuk meningkatkan kesedaran tentang inisiatif Kepengerusian Malaysia dan memperdalam libat urus dengan pihak berkepentingan. Semua acara ini mengumpulkan perumus dasar, peserta industri dan rakan kongsi antarabangsa untuk berinteraksi dalam dialog serta bekerjasama merentas bidang seperti kewangan mampan, kesejahteraan kewangan, transaksi mata wang tempatan dan integrasi serantau.

Satu acara utama ialah Malaysia Open House Exhibition yang dianjurkan bersama oleh BNM dan Kementerian Kewangan. Pameran tersebut menarik pelbagai pengunjung, daripada institusi kewangan sehinggalah PKS ASEAN, serta mempamerkan inovasi kewangan praktikal yang mempunyai aplikasi dalam dunia sebenar. Salah satu tumpuan utama ialah demonstrasi secara langsung pembayaran rentas sempadan menggunakan kod QR, yang kini tersedia di beberapa negara ASEAN. Penyelesaian ini membolehkan peniaga dan pengguna melakukan pembayaran mudah alih segera merentas sempadan tanpa proses yang rumit atau fi yang tinggi. Bagi perniagaan kecil, pengembara dan pengguna harian, penyelesaian ini menjadikan pembayaran rentas sempadan berlaku selancar transaksi domestik.

Gambar Rajah 4: Acara Sampingan Anjuran BNM Sempena Mesyuarat Trek Kewangan ASEAN

Dialog mengenai Integrasi Kewangan ASEAN oleh para tokoh ternama



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama mantan Gabenor Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan ahli-ahli panel lain daripada Eminent Persons' Dialogue: ASEAN Financial Integration in a Multipolar World

Ringkasan

- Pertukaran pandangan secara tertutup antara para pemimpin terkemuka ASEAN untuk menilai kemajuan ASEAN sepanjang dekad yang lalu, berkongsi cabaran semasa dan mengenal pasti penyelesaian yang praktikal.

Pencapaian

- Seruan agar rantau ini meningkatkan autonomi strategiknya dan terus menegaskan pendiriannya yang berkecuali ketika keseimbangan kuasa global beralih kepada dunia yang mengalami polarisasi.
- Menggesa ASEAN untuk terus memperkukuh integrasi ekonomi, memanfaatkan kekuatan setiap negara anggota dan meningkatkan keupayaan membuat keputusan secara kolektif.

Forum mengenai kesejahteraan kewangan



Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid berbicara sebagai ahli panel dalam Forum on Financial Well-being

Ringkasan

- Kesedaran yang semakin meningkat bahawa rangkuman kewangan perlu merangkumi matlamat yang lebih luas berkaitan kesejahteraan kewangan dan bukan sekadar akses kepada perkhidmatan kewangan.

Pencapaian

- Memudah cara perkongsian pengalaman untuk meningkatkan keupayaan membuat keputusan kewangan serta membina daya tahan jangka panjang bagi individu dan peniaga kecil.

Sesi pembentangan projek hijau ASEAN



Pantas Climate Solutions membentangkan projek hijaunya kepada para pelabur dan hadirin di ASEAN Pitch for Planet

Ringkasan

- Membentangkan enam projek berasaskan Malaysia dan empat projek berasaskan ASEAN yang memberikan tumpuan pada iklim serta kelestarian.
- Mempermudah interaksi dan perbincangan yang bermakna antara pelabur dengan pemilik projek untuk menggerakkan pembiayaan.

Pencapaian

- Menghubungkan pemilik projek dengan pelabur yang berminat untuk meneroka peluang kerjasama selanjutnya.

Sesi panel mengenai langkah memangkin perdagangan dan pelaburan



Penolong Gabenor Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid bersama para pembicara sesi panel mengenai Advancing ASEAN Financial Integration: Catalysing Trade and Investment

Ringkasan

- Menghimpunkan lebih 400 peserta untuk membincangkan tentang peranan transaksi mata wang tempatan serta galakan penerimaan dan kerjasama yang lebih meluas.

Pencapaian

- Memperkukuh sorotan Rangka Kerja Transaksi Mata Wang Tempatan (Local Currency Transaction Framework, LCTF) dan menjana minat daripada negara-negara anggota ASEAN lain serta sektor swasta untuk mengkaji penerapannya.
- Memulakan sesi perbincangan panel yang seumpamanya di negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Inisiatif mata wang tempatan di ASEAN Exhibition



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama Gabenor National Bank of Cambodia, Puan Yang Terutama Dr. Chea Serey, melawat Local Currency Initiatives Exhibition yang diadakan bersempena dengan AFMGM

Ringkasan

- Enam Peniaga Mata Wang Bersilang yang Dilantik (Appointed Cross-Currency Dealers, ACCD) mewakili Malaysia, Thailand dan Indonesia telah mengambil bahagian dalam mempamerkan inisiatif mata wang tempatan di seluruh rantau ASEAN.

Pencapaian

- Meningkatkan sorotan terhadap LCTF, sekali gus menarik minat daripada Negara-negara Anggota ASEAN dan peserta sektor swasta untuk mengkaji penerapannya.
- Merangsang minat daripada beberapa pihak lain yang ingin menyertai LCTF, lantas membantu meluaskan jangkauan dan potensi impaknya terhadap pasaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kerjasama Merentas Tonggak

Selain Trek Kewangan, BNM juga bekerjasama erat dengan beberapa kementerian[7] merentas trek dan tonggak lain dalam ASEAN Community. Secara khusus, BNM memudahkan pembentukan platform Ministerial Interface merentas Trek Tenaga, Ekonomi dan Kewangan. Platform ini menyediakan pendekatan terselaras bagi menggerakkan pelaburan untuk APG, justeru mengukuhkan penyelarasan merentas bidang dasar.

Pada masa yang sama, melalui ASEAN Geoeconomics Task Force (AGTF),[8] BNM membantu mengenal pasti dasar-dasar utama untuk tindak balas ASEAN terhadap ketidaktentuan geopolitik yang semakin meningkat. BNM terus menyokong usaha AGTF untuk menggalakkan kerjasama merentas tonggak berkaitan dengan isu geoekonomi. Usaha ini menghasilkan ASEAN Joint Foreign and Economic Ministers' (AMM–AEM) Meeting yang diadakan buat julung-julung kalinya, yang merapatkan jurang antara tonggak Politik-Keselamatan dengan tonggak Ekonomi ASEAN. Libat urus ini mencerminkan persilangan yang semakin meningkat antara isu keselamatan dengan isu ekonomi, berserta keperluan terhadap tindak balas serantau yang lebih koheren dan selaras.



Penolong Gabenor Fraziali Ismail bersama mantan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Yang Mulia Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, mantan Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Yang Berhormat Liew Chin Tong serta ahli-ahli AGTF lain di Fifth Meeting of the AGTF pada 22 September 2025 di Kuala Lumpur

Inisiatif Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN dan ASEAN+3 telah mengukuhkan hubungan dengan negara-negara anggota, badan serantau dan rakan strategik. Dengan menyelaraskan kedudukan serantau dan bertindak secara kolektif, ASEAN meningkatkan keupayaannya untuk menangani kejutan ekonomi, gangguan perdagangan dan risiko baharu pada peringkat global. Semua hasil ini mengukuhkan daya tahan secara kolektif dan memberikan manfaat nyata untuk Malaysia, iaitu menyokong pekerjaan, melancarkan perdagangan dan pembayaran, serta melindungi pendapatan dan mata pencarian dalam keadaan ketidaktentuan global.

[7] Kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Kementerian Luar Negeri.

[8] AGTF merupakan badan penasihat peringkat tinggi secara ad hoc dan khusus di bawah Trek Ekonomi yang ditubuhkan pada awal tahun 2025. Badan ini memberikan analisis yang selaras dan strategik untuk keseluruhan rantau ini serta cadangan dasar yang boleh dilaksanakan bagi menyokong ASEAN Sectoral Bodies dalam menangani cabaran geopolitik dan geoekonomi semasa. AGTF telah menerbitkan laporan geoekonomi pertama pada bulan November 2025.